

# **SISTEM OBJEK PEMBELAJARAN DIGITAL PENGATURCARAAN (MODUL PENGAJARAN)**

Muhammad Habib Yahya  
Syahanim Mohd Salleh

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

## **ABSTRAK**

Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran) diciptakan khas untuk pensyarah dalam proses pembelajaran kursus pengaturcaraan. Penciptaan sistem ini bertujuan untuk menjadi satu platform yang membolehkan pensyarah yang mengajar kursus pengaturcaraan membina dan mendapatkan objek pembelajaran pengaturcaraan untuk kegunaan sesi pembelajaran di dalam kuliah, tutorial dan makmal. Untuk menjadikan platform ini lebih berimpak, objek pembelajaran yang dibina akan berfokus kepada contoh penyelesaian masalah dan mempunyai 4 komponen utama iaitu tugas, contoh-kerja, konsep pengaturcaraan dan konsep permasalahan. Dalam masa yang sama, sistem ini membolehkan pensyarah menggunakan serta menyunting semula objek pembelajaran sedia ada yang dibina oleh pensyarah yang lain bagi sesi pengajarannya. Pengguna juga dapat melihat papan pemuka sistem yang memaparkan hasil analisis data objek pembelajaran pengaturcaraan yang tersedia di dalam sistem ini. Pembangunan sistem ini akan menjadi sebuah sistem berasaskan web di mana ianya akan lebih fleksibel bagi pensyarah mengakses dan membina objek pembelajaran tersebut menggunakan komputer.

## **1 PENGENALAN**

Istilah Objek Pembelajaran ini mulai diperkenalkan oleh Wayne Hodgins (1994) sebagai pengembangan idea konsep dari Gerald (1967) di mana beliau menterjemahkan objek pembelajaran adalah kumpulan bahan kandungan, bahan latihan dan bahan penilaian yang digabungkan berdasarkan satu objektif pembelajaran. Manakala Chiappe et al mendefinisikan Objek Pembelajaran sebagai sebuah entiti digital yang boleh dilengkapkan sendiri dan dapat digunakan kembali dengan tujuan pendidikan yang jelas serta mempunyai sekurang-kurangnya

tiga komponen dalaman dan dapat diubah iaitu kandungan, aktiviti pembelajaran dan elemen konteks. Maka dapat dilihat bahawa Objek Pembelajaran ini merupakan gabungan bahan pembelajaran yang memuatkan satu objektif pembelajaran yang spesifik.

Pada masa kini, objek pembelajaran ini biasanya digunakan untuk membantu para pelajar untuk lebih memahami segala topik-topik yang diajarkan oleh pensyarah. Dapat dilihat juga banyak pihak IPT di Malaysia yang menggunakan bantuan objek pembelajaran ini sebagai alat untuk membantu tenaga pengajar dalam melancarkan proses pembelajaran untuk pelbagai kursus atau topik yang diajarkan. Manakala jika difokuskan kepada mata pelajaran pengaturcaraan pula, objek pembelajaran ini digunakan untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam kepada pelajar mengenai konsep pengaturcaraan serta cara mengaplikasikan konsep tersebut. Pelajar akan lebih difokuskan untuk mengetahui bagaimana penyusunan dan pengguna sesuatu bahasa pengaturcaraan atau “code” yang dipelajari. Kajian ini membincangkan pembangunan sistem Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran).

## **2 PENYATAAN MASALAH**

Mempelajari kursus mata pelajaran pengaturcaraan bukan sesuatu perkara yang mudah. Para pensyarah menghadapi pelbagai cabaran untuk memberikan kefahaman sepenuhnya mengenai topik pengaturcaraan yang mereka ajarkan kepada para pelajar. Hal ini berlaku disebabkan sesi pembelajaran yang dilaksanakan masih menggunakan cara pembelajaran tradisonal yang hanya menggunakan rujukan nota asas sahaja sebagai bahan pembelajaran.

Selain itu, pelajar juga seringkali didapati tidak mampu mengaplikasikan konsep pengaturcaraan yang diajarkan apabila membuat latihan atau menjawab soalan yang diberikan kepada mereka sama ada di dalam kuliah, tutorial atau pun makmal. Hal ini kerana pensyarah biasanya lebih menekankan kepada konsep asas bagi sesuatu topik berbanding mempratikkan konsep yang diajarkan tersebut di dalam contoh soalan atau latihan.

Akhir sekali, pemerhatian juga menunjukkan bahawa tenaga pengajar di peringkat IPT tiada masa yang mencukupi untuk menyediakan pelbagai bahan pembelajaran yang menarik dan mudah difahami secara bersendirian. Adakalanya juga, tenaga pengajar ini mempunyai pelbagai bahan pembelajaran namun malangnya mereka tiada platform yang khusus untuk

membuat perkongsian bahan tersebut kepada pelajar dan barisan tenaga pengajar yang lain. Hal ini menyebabkan proses pembelajaran yang berlaku tidak mampu untuk memberikan kefahaman kepada pelajar secara maksimum.

### **3 OBJEKTIF KAJIAN**

Projek ini bertujuan untuk membangunkan sistem Objek Pembelajaran untuk Pengajaran Pengaturcaraan (Modul Pengajaran) membolehkan pensyarah membina objek pembelajaran pengaturcaraan berasaskan 4 komponen utama iaitu tugas, contoh-kerja, konsep pengaturcaraan dan konsep masalah. Konsep ini dapat menjadikan sesi pengajaran akan berjalan dengan lebih lancar serta lebih mudah untuk pensyarah memberikan kefahaman kepada pelajar mengenai topik-topik pengaturcaraan yang dipelajari.

Di samping itu, hasil kajian yang dibangunkan ini akan menjadi satu sistem yang menjadi platform kepada pensyarah untuk berkongsi objek pembelajaran pengaturcaraan yang telah dibina kepada pensyarah yang lain. Konsep ini dapat meningkatkan kualiti dan kebolegunaan sistem Objek Pembelajaran untuk Pengajaran Pengaturcaraan (Modul Pengajaran).

### **4 METHOD KAJIAN**

Pemilihan model pembangunan sangat dititik beratkan bagi memastikan perjalanan kajian dapat berjalan dengan lancar dan menghasilkan produk yang berkualiti. Dalam kajian ini, metodologi Tangkas atau "Agile" digunakan sebagai metodologi pembangunan disebabkan ianya amat sesuai digunakan di dalam sesebuah projek pembangunan yang mempunyai masa yang singkat. Model tangkas juga mudah untuk diadaptasi dan sesuai dengan pelbagai perubahan keperluan sistem. Fasa pembangunan yang terlibat adalah fasa analisa, fasa reka bentuk, pembinaan, pengujian, penggunaan pemasaran dan dokumentasi. Penggunaan model ini akan sentiasa mendapatkan maklumat balas dari pelanggan terhadap hasil kajian serta melaksanakan perubahan spesifikasi keperluan mengikut kehendak dan keperluan pelanggan.

#### **4.1 Fasa Perancangan**

Fasa ini melibatkan proses mengenalpasti masalah, penyelesaian masalah, objektif, skop kajian dan pemilihan metodologi. Fasa ini diteruskan dengan kajian kesusasteraan yang melibatkan pencarian, pengumpulan dan pembacaan jurnal dan kajian lepas bagi mendapatkan idea dan inspirasi. Contoh topik yang berkaitan dikaji terutamanya penggunaan objek pembelajaran dan konsep reka bentuk sistem pembelajaran yang sedia ada. Penggunaan internet untuk mendapatkan bahan maklumat berkaitan Objek pembelajaran di Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Google Scholar* dilaksanakan. Maklumat dikumpul, distruktur, dikaji dan dipersembahkan secara kreatif dan kritis dalam fasa analisis.

#### **4.2 Fasa Analisis Keperluan**

Fasa ini melibatkan proses analisis dan tafsiran segala maklumat yang dikumpulkan sewaktu fasa perancangan. Analisis spesifikasi keperluan sistem serta menilai kesuaiannya untuk kajian ini dilaksanakan. Selain itu, analisis spesifikasi perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memastikan perkakasan dan perisian yang sedia ada sesuai digunakan supaya pembangunan projek ini berjalan dengan lancar.

#### **4.3 Fasa Reka Bentuk**

Fasa ini adalah fasa yang sangat penting dalam keseluruhan projek. Fasa ini melibatkan proses mereka bentuk gambaran awal keseluruhan sistem perisian dan menghasilkan lakaran antara muka dan interaksi antara modul. Perisian *Justinmind* digunakan untuk melakar keseluruhan antara muka sistem. Selain itu, fasa ini juga melibatkan proses mereka bentuk pengkalan data yang digunakan untuk pembangunan projek ini. Pemilihan dan penelitian penggunaan Bahasa pengaturcaraan yang digunakan sewaktu fasa pembangunan juga dilaksanakan dalam fasa ini.

#### **4.4 Fasa Pembangunan**

Pada fasa ini, pembangunan sistem akan dilaksanakan berdasarkan dokumen analisa keperluan dan reka bentuk yang dihasilkan. Pembinaan sistem yang dilaksanakan perlu memastikan setiap ciri-ciri sistem yang telah ditetapkan dibina sepenuhnya serta berfungsi dengan baik. Fasa ini akan melibatkan proses pengekodan pembinaan bagi keseluruhan sistem dimana bahasa pengaturcaraan yang digunakan adalah PHP: *Hypertext Preprocessor* (PHP). Perisian Microsoft Visual Studio Code digunakan untuk menyunting keseluruhan kod pembangunan sistem. Di

akhir fasa ini, keseluruhan sistem yang dibangunkan lengkap seperti yang dirancang sebelum fasa pengujian dilaksanakan.

#### **4.5 Fasa Pengujian**

Fasa ini bertujuan untuk menguji kebolegunaan sistem yang telah dibangunkan mengikut spesifikasi dan kriteria yang ditetapkan. Segala pengujian yang dilaksanakan oleh penguji dan akan berpandukan segala catatan di dalam dokumen keperluan serta dokumen reka bentuk. Fasa ini berperanan untuk memeriksa serta mencatat ciri-ciri sistem yang berfungsi dengan baik dan yang mempunyai kerosakan fungsi. Ciri-ciri pada sistem yang tidak berfungsi dengan baik, maka ianya akan diperbaiki semula. Fasa ini melibatkan pengujian fungsian dan bukan fungsian sistem serta menggunakan 3 teknik pengujian iaitu pengujian kes kepenggunaan, skala kebolegunaan sistem dan penggunaan alat automasi pengujian. Di akhir fasa ini, segala ciri-ciri sistem akan dipastikan dapat berfungsi dengan baik mengikut kehendak pengguna dan keperluan pemegang taruh. Ini untuk memastikan objek kajian dapat dicapai.


#### **4.6 Fasa Pemasaran**

Pada fasa ini, hasil pembinaan sistem yang dapat berfungsi sepenuhnya dengan baik akan dipasarkan kepada pengguna untuk digunakan tenaga pengajar. Dalam fasa ini segala penyelenggaraan sistem akan dilaksanakan bagi memastikan sistem kekal berfungsi dengan baik. Dalam masa yang sama, segala maklum balas terhadap pengguna sistem ini akan dikumpulkan dan dicatatkan. Hasil dari maklum balas tersebut, sebarang penambahbaikan sistem akan dilaksanakan sekiranya diperlukan.

### **5 HASIL KAJIAN**


Bahagian ini akan membincangkan hasil daripada sistem Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran) ini telah berjaya dibangunkan mengikut masa yang telah ditetapkan. Sistem ini mengandungi 7 modul utama sistem iaitu log masuk, daftar akaun, membina objek pembelajaran, menyunting objek pembelajaran, melihat objek pembelajaran, melihat papan muka analisis sistem dan pengesahan daftar akaun. Dalam bahagian ini, hasil pembinaan sistem akan diterangkan di dalam bentuk fungsi antaramuka. Fungsi antaramuka pengguna adalah untuk mengambil input dari pengguna dan memberikan output kepada pengguna.

## 5.1 Pendaftaran dan Log Masuk Pengguna




Rajah 5.1 Antaramuka Log Masuk

Rajah 5.1 menunjuk antaramuka bagi log masuk yang dilaksanakan oleh pensyarah dan pentadbir. Ketika proses log masuk, pengguna memasukkan input email dan katalaluan seperti yang dapat dilihat di dalam rajah.



Rajah 5.2 Antaramuka daftar akaun


Rajah 5.2 menunjukkan antara muka bagi daftar akaun yang dilaksanakan oleh pensyarah. Ketika proses log masuk, pengguna memasukkan input ID pengajar, nama pengajar, email, nama institusi, cawangan institusi dan nama kursus yang terlibat seperti yang dapat dilihat di dalam rajah.



Rajah 5.3 Antaramuka halaman utama pensyarah

Rajah 5.3 menunjukkan antaramuka halaman utama bagi pensyarah yang berjaya log masuk ke dalam sistem. Seperti di dalam rajah, pensyarah dapat melihat namanya di bar navigasi serta sistem akan memaparkan pilihan kursus objek pembelajaran berkaitan mengikut pendaftaran.

## 5.2 Profil Pengguna



Rajah 5.4 Antaramuka melihat profil diri

Rajah 5.4 menunjukkan antaramuka bagi melihat profil diri oleh pensyarah. Seperti di dalam rajah, sistem akan memaparkan maklumat diri pensyarah yang mengandungi nama, ID pengajar, email, nama institusi, cawangan institusi dan kursus pengajaran berkaitan.

Rajah 5.5 Antaramuka menyunting profil diri

Rajah 5.5 menunjukkan antaramuka bagi menyunting profil diri oleh pensyarah. Seperti di dalam rajah, pengguna dapat menyunting maklumat diri seperti nama, ID pengajar, email, nama institusi dan cawangan institusi.

### 5.3 Membina Objek Pembelajaran

Jumlah Tidak Lengkap	Jumlah Sudah Lengkap	Jumlah Keseluruhan Dibina
1	1	2


  

Bil	Topik	Permasalahan	Perincian	
1	Java		ID Objek Pembelajaran : OP60ab80e3095b5 Jenis Masalah: Tugasan: Contoh-Kerjar: Kaedah Kompleksiti: -	<a href="#">Kemaskini</a> <a href="#">Perincian</a> <a href="#">Delete</a>

Rajah 5.6 Antaramuka maklumat objek pembelajaran diri


Rajah 5.6 menunjukkan antaramuka bagi maklumat objek pembelajaran diri yang telah dibina oleh pensyarah. Seperti di dalam rajah, pensyarah juga dapat melihat, menyunting atau memadam objek pembelajaran yang ada di dalam senarai tersebut.






Rajah 5.7 Antaramuka membina objek pembelajaran baru

Rajah 5.7 menunjukkan antaramuka bagi membina objek pembelajaran baru yang dapat dibina oleh pensyarah. Seperti di dalam rajah, pensyarah juga perlu memilih kursus bagi objek pembelajaran yang akan dibina.



Rajah 5.8 Antaramuka membina konsep pengaturcaraan objek pembelajaran



Rajah 5.9 Antaramuka contoh konsep pengaturcaraan objek pembelajaran

Rajah 5.8 menunjukkan antaramuka bagi membina konsep pengaturcaraan objek pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah. Bagi fungsi membina konsep pengaturcaraan, pensyarah perlu memasukkan input bagi tajuk konsep, menetapkan bahan nota konsep pengaturcaraan dan menetapkan soalan pengukuhan berkaitan konsep pengaturcaraan. Manakala Rajah 5.9 menunjukkan antaramuka sistem apabila pensyarah mahu melihat contoh konsep pengaturcaraan dengan menekan butang contoh.

Rajah 5.10 Antaramuka membina konsep masalah objek pembelajaran

**Service Simulation**

In this topic, we will learn about queue through some problems by using service simulation. Service simulation is used to imitate the real operation system and gather statistic of certain information. Statistical report that can be generated by simulation are arrival rates and patterns, waiting and service times and percentage of time the automated equipment is utilized. Queue in service simulation is the replication of the real queue. Thus, it will retain the queue concept: first item in queue will be served prior to the next item.

Beside queue concept, other information that you need to identify regarding service simulation is its complexity. These complexities depends on (1) the number of servers (example: counter) and (2) the number of services provided.

Complexity	Simulation characteristic	Example
1	One server with one service. One queue with many customers.	Queue at Car wash machine.
2	One server with many services. One queue with many customers.	Automated teller machine (ATM)
3	Many servers with one services. One queue with many customers.	Can you think of one example?
4	Many servers with many services. One queue with many customers.	Can you think of one example?
5	Many servers with many services. Many queue with many customers.	Can you think of one example?

Since the real situation often involves many customers and services, it would be easier if the simulation process can be assisted by computer. Such advantages of using computer to do simulation are:

- 1<sup>st</sup> : The information would be gathered without involving real customers.
- 2<sup>nd</sup> : A simulation by computer can be faster than the actual implementation because of the speed of the computer.
- 3<sup>rd</sup> : The simulation could be easily replicated.

In real service system situation, most of the data for example customer arrival time and type of service required are different among the customers. Hence, random data are needed in order to carry out simulation. To get the random value, we can either:

- (1) use standard input (keyboard) or file feeding; or file stream.
- (2) randomly generated value using the rand() function.

Rajah 5.11 Antaramuka contoh konsep masalah objek pembelajaran


Rajah 5.10 menunjukkan antaramuka bagi membina konsep masalah objek pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah. Bagi fungsi membina konsep masalah, pensyarah perlu memasukkan input bagi tajuk konsep, kategori masalah, menetapkan bahan nota konsep masalah dan menetapkan soalan pengukuhan berkaitan konsep masalah. Manakala Rajah 5.11 menunjukkan antaramuka sistem apabila pensyarah mahu melihat contoh konsep masalah dengan menekan butang contoh.

Rajah 5.12 Antaramuka membina tugasan objek pembelajaran


Rajah 5.12 menunjukkan antaramuka bagi membina tugasan objek pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah. Bagi fungsi membina tugasan, pensyarah perlulah memasukkan input bagi tajuk tugasan, tahap kompleksiti, menetapkan pernyataan soalan tugasan, menetapkan penyelesaian algoritma tugasan, menetapkan struktur asas aturcara program dan menetapkan aturcara penuh tugasan.

Rajah 5.13 Antaramuka membina contoh-kerja objek pembelajaran

Rajah 5.13 menunjukkan antaramuka bagi membina contoh-kerja objek pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah. Bagi fungsi membina contoh-kerja, pensyarah perlulah memasukkan input bagi tajuk contoh-kerja, tahap kompleksiti, menetapkan pernyataan soalan contoh-kerja, menetapkan penyelesaian algoritma contoh-kerja, menetapkan struktur asas aturcara program dan menetapkan aturcara penuh contoh-kerja.




Rajah 5.14 Antaramuka contoh tugas dan contoh-kerja objek pembelajaran



Rajah 5.15 Antaramuka penerangan pernyataan soalan objek pembelajaran

Rajah 5.14 menunjukkan antaramuka sistem apabila pensyarah mahu melihat contoh tugas dan contoh-kerja dengan menekan butang contoh. Manakala Rajah 5.15 pula adalah antaramuka penerangan pernyataan soalan apabila pensyarah menekan butang pernyataan soalan.

#### 5.4 Menyunting Objek Pembelajaran



Rajah 5.16 Antaramuka menyunting objek pembelajaran pengguna lain



Rajah 5.17 Antaramuka menyunting objek pembelajaran diri sendiri

Rajah 5.16 menunjukkan antaramuka bagi langkah menyunting objek pembelajaran yang dibina oleh pensyarah lain dengan menekan butang tambah koleksi. Manakala Rajah 5.17 pula menunjukkan antaramuka bagi langkah menyunting objek pembelajaran diri sendiri dengan menekan butang kemaskini.

## 5.5 Melihat Objek Pembelajaran



Rajah 5.18 Antaramuka senarai objek pembelajaran



Rajah 5.19 Antaramuka paparan objek pembelajaran

Rajah 5.18 menunjukkan antaramuka bagi senarai objek pembelajaran yang tersedia di dalam sistem. Pensyarah perlu menekan butang buka untuk melihat objek pembelajaran yang mahu dilihat. Rajah 5.19 menunjukkan antaramuka paparan objek pembelajaran yang dilihat oleh pensyarah. Objek pembelajaran yang dipaparkan oleh sistem akan mengandungi konsep pengaturcaraan, konsep masalah, tugasan dan contoh-kerja.

## 5.6 Melihat Papan Pemuka Sistem

Rajah 5.20 menunjukkan antaramuka bagi papan pemuka analisis sistem Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran). Paparan yang dihasilkan merujuk kepada keseluruhan data berkaitan objek pembelajaran, pengguna, kursus dan juga jumlah kuiz.



Rajah 5.20 Antaramuka papan pemuka sistem

## 6 KESIMPULAN

Sistem Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran) ini telah berjaya dibangunkan dengan berlandaskan keperluan dan objektif yang telah dinyatakan. Terdapat beberapa kekuatan dan kelemahan yang dikenalpasti terdapat di dalam pembangunan sistem ini di mana ianya dapat dijadikan panduan untuk kajian-kajian akan datang. Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak sistem yang berbentuk laman web yang berkaitan dengan objek pembelajaran pada masa kini. Namun begitu, penggunaan sistem objek pembelajaran untuk subjek pengaturcaraan berteraskan masih kurang digunakan termasuklah di dalam sesi pembelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi. Melalui kajian ini diharapkan agar pembangunan Objek Pembelajaran Digital Pengaturcaraan (Modul Pengajaran) ini nanti akan mencapai tujuan utama projek ini serta dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna sasaran iaitu pelajar dalam mendapatkan sumber bahan pembelajaran yang diperlukan. Disamping itu, sistem ini juga mendidik pelajar untuk memahami ilmu pengaturcaraan melalui tugas dan contoh-kerja yang akan dibina oleh pensyarah di dalam sistem ini.

## 7 RUJUKAN

Beck, Robert J. 2010. What Are Learning Objects?”, Learning Objects, Center for International Education. USA: University of Wisconsin-Milwaukee.

D. Lederman, “Professors’ Slow, Steady Acceptance of Online Learning: A Survey,” 2019. [Online]. Available: <https://www.insidehighered.com/news/survey/professors-slow-steady-acceptance-online-learning-survey>

- J.C. Nesbit, K. Belfer, & J. Vargo. A convergent participation model for evaluation of learning objects, *Canadian Journal of Learning and Technology*, 28 (3), 2002, 105-120.
- J.C. Nesbit & J. Li, Web-based tools for learning object evaluation. *Proc Education and Information Systems: Technologies and Applications*, Orlando, FL, submitted.
- J.C. Nesbit & K. Belfer, Collaborative evaluation of learning objects. In R. McGreal (Ed.), *Online education using learning objects* (London: Routledge/Falmer, in press).
- K. Han, V. Kumar, & J. Nesbit. Rating learning object quality with Bayesian belief networks. *World Conference on E-Learning in Corp., Govt., Health., & Higher Ed. 2003(1)*, 1598-1601.
- Mark Douglas de Azevedo Jacyntho, Daniel Schwabe, Gustavo Rossi, January 2002 *Journal of Web Engineering: A Software Architecture for Structuring Complex Web Applications*, 37-60.
- N. Friesen, A. Roberts, & S. Fisher, CanCore: metadata for learning objects, *Canadian Journal of Learning and technology*, 28(3), 43-53
- S. Yassine, S. Kadry, and M. A. Sicilia, "Learning Analytics and Learning Objects Repositories: Overview and Future Directions," in *Learning, Design, and Technology*. Springer International Publishing, 2017, pp. 1–30.
- Wikipedia, "Agile Software Development." [Online]. Available: [https://en.wikipedia.org/wiki/Agile\\_software\\_development](https://en.wikipedia.org/wiki/Agile_software_development) .